



UCAPAN:

**YAB DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID BIN HAMIDI
TIMBALAN PERDANA MENTERI DAN
MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH**

SEMPENA:

PROGRAM SANTUNI RAKYAT

BERTEMPAT DI:

**DEWAN TERBUKA SK HJ BUJANG, SEBANGAN,
SARAWAK**

PADA:

17 SEPTEMBER 2023

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum WBT

Salam Sejahtera

Salam Sarawak Maju Makmur dan

Salam Malaysia Madani

(Salutasi sewajarnya)

MUKADDIMAH

1. Pantun:

Intan dipilih tercabut sarong,
Dicabut oleh Dewa Saperi,
Udah dipilih serata kampung,
Sebangan juak kamek kemari.

Anak Cina pegi ke taman,
Singgah memetik bunga kecap,
Lihat semua ada di depan,
Baruk senang di dalam hati.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan hadirin sekalian,

2. Saya ingin menekankan bahawa kemerdekaan Tanah Melayu pada 31 Ogos 1957 adalah sama penting dengan kemerdekaan Sarawak pada 22 Julai, 1963 kerana ia telah mencetuskan idea dan usaha untuk menggabungkan Tanah Melayu dengan Sarawak dan Sabah, termasuk Singapura untuk menubuhkan sebuah negara baru pada 16 September 1963 yang dinamakan Malaysia.
3. Para pemimpin Sarawak pada ketika itu bersetuju untuk bergabung dengan wilayah-wilayah lain untuk menubuhkan Malaysia demi memelihara keselamatan negeri ini daripada kuasa dan pengaruh ideologi asing, dengan syarat-syarat tertentu seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan dan Perjanjian Malaysia 1963 (MA63).
4. Bertitik tolak dari situ, pada hari ini kita dan seluruh rakyat Malaysia di Semenanjung, Sarawak dan Sabah dapat menikmati nikmat kesejahteraan dan kemakmuran serta dapat terus memajukan negara Malaysia tercinta ini bersama-sama.

PROGRAM SANTUNI RAKYAT

5. Alhamdulillah, atas dasar kepedulian Kerajaan Perpaduan terhadap rakyat di Negeri Sarawak, hari ini berpeluang untuk dipertemukan dalam **Program Santuni Rakyat** di Sebangun anjuran Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) melalui agensi FELCRA.
6. Syabas saya ucapkan kepada pihak FELCRA serta seluruh jawatankuasa termasuk pihak berkuasa tempatan seperti RESIDEN Bahagian dan Pejabat Daerah yang berkolaborasi dan merealisasikan program pada hari ini.
7. Sementara saya berpeluang beramah mesra dengan masyarakat tempatan dan mengenali dan menyantuni masyarakat di sini dengan lebih dekat.
8. Saya juga berharap agar pertemuan ini menjadi titik tolak untuk kita bersama-sama memupuk nilai-nilai perpaduan dan juga supaya masyarakat di sini lebih mengetahui program-program yang dilaksanakan oleh Kerajaan selaras dengan sambutan Hari Kebangsaan iaitu, “Malaysia MADANI: Tekad Perpaduan Penuhi Harapan” yang berakhir semalam.

AGENDA TRANSFORMASI “LUAR BANDAR SEJAHTERA”

Tuan-Tuan dan Puan-Puan hadirin sekalian,

9. Mengikut statistik daripada Jabatan Perangkaan Malaysia (2022) seramai **8.01 juta atau 24.5%** penduduk tinggal di kawasan luar bandar. Daripada jumlah tersebut seramai **1.05 juta** penduduk merupakan penduduk luar bandar di Sarawak.
10. Dalam hal ini, KKDW telah membangunkan Dasar Pembangunan Luar Bandar (DPLB), iaitu sebuah dasar yang menyediakan kerangka hala tuju pembangunan kawasan luar bandar ke arah mendukung hasrat Malaysia menjadi sebuah negara maju dan berpendapatan tinggi untuk tempoh sehingga tahun 2030.
11. Agenda transformasi “Luar Bandar Sejahtera” yang telah digariskan dalam Dasar Pembangunan Luar Bandar adalah berpaksikan kepada keperluan dan kehendak rakyat di samping memastikan proses pembangunan luar bandar berada pada landasan yang betul.
12. Demi mencapai agenda tersebut, pada tahun 2023, Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) telah menerima peruntukan untuk melaksanakan pelbagai

program pembangunan luar bandar termasuk negeri Sarawak melibatkan peruntukan sebanyak RM779 Juta.

13. Melalui Belanjawan 2023, sejumlah **RM503.6 juta** telah diperuntukkan bagi pembangunan di Sarawak meliputi projek infrastruktur seperti Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB), Bekalan Air Luar Bandar (BALB), Program Ameniti Sosial (PAMS), Jalan Luar Bandar (JALB) dan Jalan Perhubungan Desa (JPD).

KOMITMEN FELCRA

14. Seterusnya, dari sudut kebajikan peserta, FELCRA telah mengagihkan sebanyak hampir RM1.6 juta untuk ameniti sosial di Sarawak seperti dewan orang ramai, taman rekreasi, kemudahan prasarana dan lain-lain yang menjamin keselesaan komuniti setempat.
15. KKDW juga telah mengambil tindakan proaktif dalam usaha membangunkan usahawan luar bandar termasuk di negeri Sarawak untuk meningkatkan sosio-ekonomi masyarakat dengan memberikan latihan dan khidmat bimbingan pembangunan usahawan, penyediaan premis perniagaan dan pembiayaan perniagaan dengan memberi fokus kepada pembangunan industri setempat.

16. KKDW melalui FELCRA telah memperuntukkan sebanyak **RM120 ribu** untuk memperkasakan aktiviti keusahawan dalam kalangan peserta FELCRA, Sarawak serta **RM180 ribu** untuk Program Pembangunan Kelestarian dan Kemampanan Infrastruktur Pelancongan Desa bagi peningkatan pendapatan warga Peserta FELCRA.
17. Seterusnya, saya juga telah mengumumkan di Dewan Rakyat pada Mac yang lalu, bahawa Kerajaan akan membangunkan antara 15,000 hingga 20,000 hektar tanah untuk penanaman padi di negeri Sarawak dan Sabah.
18. Kolaborasi strategik yang sudah dimulakan dengan Kerajaan Negeri Sarawak menyaksikan FELCRA sebagai sebuah agensi di bawah KKDW yang berpengalaman dilantik untuk membangunkan Blok A dan B Skim Bijat atau Stumbin berkeluasan 400 hektar dan Projek Skim Lingga Banting dengan keluasan 2,100 hektar.
19. Menariknya, inisiatif pembangunan estet padi itu tidak hanya tertumpu pada penanaman padi semata-mata, sebaliknya turut memberi fokus terhadap kebajikan peserta dan petani serta memajukan kawasan berkenaan mengikut model kejayaan Projek FELCRA Seberang Perak yang

menjadi sebuah penempatan peserta yang pesat membangun mengikut acuan luar bandar yang progresif sehingga mampu mewujudkan estet padi milik rakyat terbesar di Malaysia.

20. Melalui model pembangunan estet yang diadaptasi di Sarawak, dalam tempoh 5 hingga 10 tahun, masyarakat di Sarawak dijangka akan dapat mengalami lonjakan perubahan kehidupan yang lebih signifikan dengan idea strategik yang direncanakan oleh KKDW melalui FELCRA.
21. Usaha ini juga diharapkan dapat membantu Kerajaan menstabilkan stok penimbal beras yang disasarkan mencapai 290 ribu tan pada tahun ini, demi meningkatkan bekalan sekuriti makanan negara selain menjamin harga makanan asas pada tahap yang terendah.
22. Pemilihan FELCRA untuk melaksanakan usaha ini, adalah tepat kerana sehingga kini, FELCRA telah membangunkan seluas **32 ribu hektar** tanah negeri Sarawak yang memberi manfaat kepada lebih **12 ribu peserta**.
23. FELCRA turut menjalankan aktiviti pemprosesan sawit di negeri ini yang mampu memproses minyak sawit mentah secara purata 100 metrik tan per jam melalui tiga kilang

usahasama yang secara tidak langsung membuka peluang pekerjaan serta membangunkan sosio ekonomi di kawasan terlibat.

24. Saya harap usaha ini dapat membantu memperkasa aspek keterjaminan makanan negara dengan matlamat mewujudkan subsektor agromakanan yang berdaya tahan, inklusif, berdaya saing dan mampan bagi menangani sebarang krisis keterjaminan makanan pada masa hadapan.

KSP RMKE-12 DAN TUMPUAN TERHADAP PEMBANGUNAN DESA

Tuan-Tuan dan Puan-Puan hadirin sekalian,

25. Baru-baru ini, semasa bermula sidang parlimen pada 11 September 2023, YAB Perdana Menteri telah membentangkan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-12 (KSP RMK12). Saya hadir dan meneliti pembentangan tersebut di Dewan Rakyat yang bertemakan 'Mampan, Sejahtera dan Berpendapatan Tinggi'.
26. Sebagai Menteri KKDW, saya menyambut baik usaha memperkasa Program Pemerksaan Ekonomi Komuniti

Bandar, Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat untuk penduduk luar bandar dan Program Pembangunan Ekonomi Orang Asli, yang digariskan di dalam pembentangan tersebut.

27. Malah, Kerajaan sentiasa berusaha merapatkan nisbah jurang pendapatan antara desa dengan bandar, daripada 0.57 pada tahun 2022 kepada 0.67 pada tahun 2025. Usaha ini diteruskan dengan menyediakan infrastruktur dan perkhidmatan, memanfaatkan potensi ekonomi desa dan memperkukuh penyampaian perkhidmatan, untuk memastikan kesejahteraan penduduk di desa dan pedalaman dapat dipertingkatkan.
28. Kesejahteraan masyarakat desa, termasuk peneroka dan pekebun kecil juga akan terus dibela, melalui kajian semula dan pengukuhan fungsi serta peranan agensi berkaitan, terutama FELCRA, RISDA, dan MARA.
29. Terdapat banyak perkara yang telah diketengahkan oleh YAB Perdana Menteri semasa pembentangan RMKE-12, saya percaya bahawa Kerajaan Perpaduan sekali lagi telah membuktikan kesungguhan dalam usaha untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat, selaras dengan agenda Malaysia MADANI yang diperkenalkan.

30. Apa yang penting, segala usaha perlu ditingkatkan keberkesanan pelaksanaannya dengan sokongan seluruh rakyat termasuk rakyat di Negeri Sarawak. Ini dapat memastikan bukan sahaja rakyat mengecapi *physical happiness* tetapi juga *spiritual happiness* agar nikmat pembangunan yang diberikan dapat benar-benar dirasakan rakyat.

KOMITMEN KERAJAAN PERPADUAN

Tuan-Tuan dan Puan-Puan hadirin sekalian,

31. Kerajaan Perpaduan di pimpinan YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Bin Ibrahim acap kali melafazkan komitmen kerajaan untuk memupuk ekonomi yang berdaya tahan sambil menjaga kepentingan rakyat di kedua-dua negeri.

32. Dengan menyediakan sokongan kewangan yang besar, Kerajaan Perpaduan memberi mesej yang jelas terhadap keprihatinan untuk membantu pembangunan di Negeri Sarawak bagi memastikan tiada rakyat yang terpinggir.

33. Melalui pelbagai inisiatif, bantuan yang disasar telah disediakan dan kini merapatkan jurang antara Semenanjung Malaysia dan Sabah dan Sarawak, serta memupuk perpaduan dan kemajuan yang lebih erat di seluruh negara.
34. Justeru, semua golongan masyarakat perlu sedar bahawa komitmen kerajaan terhadap negeri ini adalah ikhlas dan bermakna.

PENUTUP

35. Pantun:

*Daun pandan panjang sedepak,
Pakai urang pegi ke kota,
Siang malam kamek tak lupak,
Jumpa lagi di lain masa*

36. Semoga **Program Santuni Rakyat** pada hari ini menjadi kenangan manis buat semua kita semua.
37. Akhir kata, saya sekali lagi merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih tidak terhingga kepada para penganjur dan semua yang hadir pada hari ini.

Sekian.

Wabillahi Taufiq Walhidayah, Wassalamualaikum

Warahmatullahi Wabarakatuh.